



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN PUNGUTAN HASIL
MENARA HASIL, ARAS 15
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR

Telefon : 03-8313 8888
Faks : 03-8313 7823
Laman Web : <http://www.hasil.gov.my/>

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : LHDN.01/45.2/130/12
Tarikh : 17 Februari 2016

Pengarah Eksekutif,
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM),
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,
No. 12, Jln Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Tuan,

MAKLUMBALAS UNTUK RANGKA KERJA PUNGUTAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan bertarikh 21 Disember 2015 berkenaan perkara di atas.

2. Berikut disertakan maklumbalas berkenaan persoalan yang diajukan pihak tuan:

2.1. Perkara 2.2.2(a)

Tiada pindaan. Perenggan ini menerangkan tahun taksiran terdahulu yang digunakan bagi pengeluaran CP500.

2.2. Perkara 2.2.4(a)

Pindaan akan dibuat menggantikan perkataan 'Majikan' dengan "Pembayar Cukai"

2.3. Perkara 2.3.2(e)

Pindaan untuk tambahan ayat seperti dicadangkan akan dibuat seperti berikut:

'Syarikat, badan amanah, koperasi atau perkongsian liabiliti terhad selain daripada sebuah syarikat yang tertakluk di bawah seksyen 107C(4) ACP yang baru pertama kali menjalankan operasi, **dan mempunyai tempoh asas pertama untuk suatu tahun taksiran tidak kurang daripada 6 bulan** dikehendaki untuk mengemukakan anggaran tidak lewat dari tiga bulan selepas tarikh berkuatkuasanya operasi itu.'



2.4. Perkara 4.2.4(a)

Pindaan untuk tambah ayat seperti berikut:

'Harta tanah / syer dalam syarikat harta tanah telah dimiliki lebih daripada 5 tahun terpakai kepada individu warganegara dan pemastautin tetap.'

2.5. Perkara 4.2.4(d)

Pindaan untuk tambah ayat seperti berikut:

'Pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai kepada suatu Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) atau suatu Amanah Saham Hartanah (PTF) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah perintah pengecualian yang dikuatkuasakan.'

2.6. Perkara 6.2

Cadangan pindaan tidak dipersetujui.

2.7. Perkara 7.3.2

Cadangan pindaan tidak dipersetujui.

2.8. Perkara 7.4.1

Pindaan kepada alamat akan diambil

2.9. Perkara 9.4.1(a)


Bayaran balik dari fail individu ke fail syarikat perlu disertakan surat kuasa individu dengan menyatakan nama syarikat, nombor akaun bank, nombor rujukan syarikat dan nombor SSM yang menerima bayaran balik tersebut..

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


[MOHD JAAFAR BIN EMBONG]
Pengarah
Jabatan Pungutan Hasil
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
ukh/riz/2016

HASIL

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA